

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)17**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

17. Gudang Bersejarah (5,7,8) di Pelabuhan Sweetenham terletak dalam Tapak Warisan UNESCO George Town telah lama terabai dan kelihatan hampir musnah. Sekiranya ia dirobohkan, adakah ia akan memberi kesan perlucutan kedudukan Warisan UNESCO kita kerana kerajaan gagal memenuhi tanggungjawab hakiki Tapak Warisan UNESCO?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Gudang No. 5, 7 dan 8 di Pelabuhan Swettenham, Pengkalan Weld adalah terletak di dalam Zon Teras Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Gudang-gudang ini telah dikategorikan sebagai warisan kategori 2 di dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang diwartakan pada tahun 2016.

Gudang-gudang ini berkepentingan khas dan merupakan antara atribut yang menyumbang kepada nilai-nilai keunggulan sejagat tapak (*outstanding universal value - OUV*). Perobohan gudang-gudang ini akan menjejaskan OUV tapak serta akan meletakkan tapak di dalam senarai terancam atau *endangered list*.

Pada 2 September 2024, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah membuka *Request for Proposal* (RFP) dengan mempelawa syarikat-syarikat yang berkelayakan dari segi kewangan mahupun teknikal untuk melaksanakan cadangan pembangunan Gudang 5, 7 dan 8. RFP berkenaan telah ditutup dan masih dalam peringkat penilaian.